

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 2

Majlis Kemakmuran Bumiputera

# Tubuh MKB perkasa sosioekonomi Bumiputera

Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi turut setuju perkukuh fungsi TERAJU

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB), yang bakal dijadikan platform tertinggi dalam usaha memperkasa pembangunan sosioekonomi Bumiputera.

Menyatakan ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata MKB akan dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Majlis Tin-

dakan Ekonomi (EAC) btl 15/2020 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, semalam.

"Pengwujudan MKB ini adalah sekodongan daripada kerangka intervensi strategik untuk memandu dan mempercepat pemerkasaan ekonomi Bumiputera melalui usaha peningkatan kapasiti dan keupayaan merentas pelbagai program."

"Ia selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang mendukung tiga objektif utama iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kewangan dan pendapatan, serta

membina negara bersatu, makmur dan bermaruah," katanya sa- tu dalam kenyataan.

Mustapa berkata, mesyuarat juga bersetuju untuk memperku- kuahkan fungsi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dalam dua aspek utama, iaitu menjadi badan koordinasi di peringkat tertinggi dengan mewujudkan jalinan dan rangkatan bersepadu serta komprehensif bersama kesemua pemegang ta- ruh merentasi pelbagai sektor bagi memantau pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan sosio-

ekonomi Bumiputera.

Selain itu, fungsi TERAJU akan diperkuuhkan bagi memperke- mas dan menambah baik pang- kalan data berpusat Bumiputera bagi mengumpul maklumat ter- kini, lengkap dan berkualiti bagi perancangan dasar dan intervensi strategik.

TERAJU yang ditubuhkan pada 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah unit strategik yang berfungsi untuk meneraju, memacu dan menyelaras agenda pembangunan Bumiputera seja- jar dengan WKB 2030.



**Pewujudan**  
*MKB ini adalah sebahagian daripada kerangka intervensi strategik untuk memandu dan mempercepat pemerkasaan ekonomi Bumiputera.*

**Mustapa Mohamed,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)